

D747

U B273 DEB

MAHATHIR - UMNO

KUALA LUMPUR, 30 APRIL (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD YAKIN UMNO MASIH MAMPU MENGEKALKAN PERPADUAN BANGSA MELAYU DAN UMNO MASIH MERUPAKAN PARTI YANG TERKUAT DI NEGARA INI.

+TIDAK ADA SEBUAH PARTI LAIN DI MALAYSIA INI YANG BENAR-BENAR MENGAKU DIRINYA SEBAGAI PARTI KEBANGSAAN MELAYU,+ KATANYA DALAM TERMURAMAH DENGAN LIDAH RASMI UMNO, MERDEKA, SEMPENA ULANGTAHUN KE-40 PARTI ITU 11 MEI INI.

WALAUPIUN ADA PARTI LAIN YANG ANGGOTANYA TERDIRI DARIPADA ORANG MELAYU, TETAPI IA MENGANGGAP BAHAWA PERPADUAN BANGSA TIDAK PENTING, BAHKAN MEREKA BERUSAHA UNTUK MEMECAH-BELAHKAN BANGSA SENDIRI.

UMNO PERCAYA KEPADA PERPADUAN BANGSA SEBAGAI ASAS MEMPERTAHANKAN KEPENTINGAN ORANG MELAYU; TAMBAHNYA.

SEBAGAI SEBUAH PARTI YANG KUAT DAN ANGGOTANYA RAMAI, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA SUDAH TENTU PARTI ITU TERPAKSA MENGHADAPI MASALAH, PENDAPAT YANG BERBEZA SERTA TIMBULNYA PERKARA-PERKARA YANG TIDAK DIINGINI.

BAGAIMANAPUN, TAMBAH BELIAU, PADA UMUMNYA PERPADUAN DALAM UMNO MASIH KUKUH KERANA SEMUA PIHAK MENGUTAMAKAN UMNO DAN INGIN MELIHAT PARTI ITU MENCAPAI KEJAYAAN DAN +INI AKAN MENJAMIN KEUPAYAAN MENGHADAPI SEGALA CABARAN ZAMAN INI.+ -- LAGI.
1737MST 30 04 86

B749

U B274 DEB

MAHATHIR-UMNO 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR YANG JUGA PRESIDEN UMNO BERKATA ASAS KEKUATAN DAN KUKUHAN UMNO IALAH PERPADUAN DI KALANGAN ANGGOTANYA APABILA MEREKA INGIN MELIHAT PARTI MEREKA ITU BERKESAN.

+OLEH ITU MEREKA TIDAK AKAN MENGHANCURKAN PARTI SEMATA-MATA KERANA KEPENTINGAN DIRI,+ KATANYA.

APABILA BERCAKAP MENGENAI KEJAYAAN UMNO DALAM MENGATASI BERBAGAI-BAGAI KRISIS, BELIAU BERKATA IA ADALAH KERANA ANGGOTA-ANGGOTANYA MERAPATKAN BARISANNYA UNTUK SAMA-SAMA MENGHADAPI CABARAN ITU.

BELIAU JUGA YAKIN BAHAWA ANGGOTA-ANGGOTA UMNO AKAN DAPAT MEMBANGKITKAN SEMULA SEMANGAT PERJUANGAN YANG ASAL IAITU KETIKA ORANG MELAYU MENENTANG MALAYAN UNION DAN MENUNTUT KEMERDEKAAN.

KURANGNYA SEMANGAT SEKARANG INI, KATANYA ADALAH KERANA MEREKA BERASA TERJAMIN KERANA SEJAK MERDEKA, UMNO DAN ORANG MELAYU MENJADI TULANG BELAKANG PEMERINTAHAN BAHKAN BOLEH DIKATAKAN UMNOLAH YANG MENENTUKAN DASAR-DASAR NEGARA. -- LAGI.

1740MST 30 04 86

U B287 BAH

MAHATHIR-UMNO 3 KUALA LUMPUR

PRESIDEN UMNO ITU JUGA MENYENTUH REBUTAN DALAM PARTI DI KALANGAN ANGGOTA YANG MEMANDANG KEANGGOTAAN DALAM DEWAN UNDANGAN NEGERI DAN DAN PARLIMEN SEBAGAI SATU SIMBOL YANG TINGGI DAN JUGA SATU PUNCA PENDAPATAN.

+KALAU DAHULU KITA BERJUANG SEMATA-MATA UNTUK BANGSA, AGAMA DAN NEGARA DAN TIDAK ADA UPAHAN YANG AKAN DIDAPATI, TIDAK ADA JAWATAN YANG BOLEH DIPENUHI,+ KATANYA.

SEKARANG INI, TAMBAH BELIAU, MEREKA SEDAR BAHAWA ADA JAWATAN-JAWATAN YANG BOLEH MEMBERI PENDAPATAN YANG LUMAYAN DAN OLEH ITU SETENGAH-SETENGAH DARIPADA MEREKA BAGITU BERMINAT UNTUK MENDAPAT JAWATAN-JAWATAN ITU KERANA STATUS DAN PENDAPATAN.

+TETAPI OLEH KERANA MEREKA LEBIH BERMINAT KEPADA JAWATAN DARIPADA TUGAS, MAKA TERDAPATLAH SETENGAH-SETENGAH WAKIL RAKYAT YANG TELAH DIPILIH TIDAK MENJALANKAN TUGAS DENGAN SEMPURNA,+ KATANYA.

MENGENAI PERSIAPAN PILIHAN RAYA, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA UMNO BERSIAP SEDIA SEKARANG UNTUK MENGHADAPINYA.

KATANYA SEGALA JENTERA PARTI TELAH PUN DISUSUN DAN DIGERAKKAN DAN UMNO BERSEDIA BILA-BILA MASA SAHAJA UNTUK MENGHADAPINYA.

UMNO SUDAH MAHIR DALAM PENGURUSAN PILIHAN RAYA PADA PERINGKAT PARTI DAN SEGALA CARANYA SUDAH DISUSUN JAUH LEBIH AWAL LAGI, KATANYA.

-- LAGI.

1823MST 30 04 86

U B289 BAH

MAHATHIR-UMNO 4 KUALA LUMPUR

BELIAU YAKIN BAHAWA UMNO AKAN MENCAPAI PRESTASI CEMERLANG KALI INI WALAUPUN MUNGKIN TIDAKLAH SEBEGITU BAIK SEPERTI PILIHAN RAYA LEPAS.

KATANYA SEJAK 1982 NEGARA MENGHADAPI BERBAGAI-BAGAI MASALAH HASIL DARIPADA TINDAKAN DI LUAR DARIPADA KUASANYA DAN MASALAH-MASALAH ITU MELIBATKAN RAKYAT.

+TENTU ADA RAKYAT YANG KECEWA, TERUTAMA MEREKA YANG KEHILANGAN PUNCA PENDAPATAN, YANG MENGANGGUR BAHKAN ADA YANG MASIH BEKERJA TETAPI INGIN MENDAPAT LAYANAN YANG LEBIH BAIK, TETAPI TUNTUTAN MEREKA TIDAK MEMBERI HASIL. DENGAN ITU TENTULAH SOKONGAN KEPADA UMNO AKAN BERKURANGAN,+ KATANYA.

NAMUN DEMIKIAN, TAMBAH BELIAU, TINDAKAN MEREKA TIDAK AKAN MEMPUNYAI KESAN YANG TERLALU BESAR KEPADA PERJUANGAN UMNO DAN +SAYA MASIH YAKIN UMNO DAN BN AKAN MENCAPAI PRESTASI YANG CEMERLANG DALAM PILIHAN RAYA YANG AKAN DATANG INI.+ -- BERNAMA

1825MST 30 04 86